

# Bill Cosby didapati bersalah cabul remaja perempuan pada tahun 1975

**LOS ANGELES** - Bill Cosby didapati bersalah menyerang secara seksual seorang remaja perempuan di Playboy Mansion hampir 50 tahun lalu, menurut seorang juri pada Selasa dalam keputusan sivil pertama terhadap pelakon komedi veteran yang berdepan puluhan tuduhan kes sama sebelum ini.

Mangsa, Judy Huth yang kini berusia 46 tahun telah diberikan ganti rugi sebanyak AS\$500,000 (RM2.19 juta) selepas juri di Santa Monica memutuskan Cosby telah men-



**BILL COSBY**

cabulnya pada tahun 1975 ketika berusia 16 tahun semasa bertemu di set penggambaran filem.

Difahamkan kes ini adalah satu-satunya tindakan undang-undang dikenakan terhadap Cosby, 84, yang sebelum ini didakwa menggunakan kemasyurannya untuk mengumpun wanita selama beberapa dekad.

Pelakon yang dahulunya dikenali sebagai 'Bapa Amerika' pernah meringkuk dalam penjara di Pennsylvania akibat dadah dan mencabul wanita da-

lam kes berasingan pada tahun 2018, tetapi dia dibebaskan hujung tahun lalu.

Selepas dua minggu perbicaraan sivil yang tidak dihadiri Cosby, peguam menyatakan pelakon itu menghantar Huth dan kawannya berusia 17 tahun, Donna Samuelson ke rumah Hugh Hefner selepas mereka bertemu di set penggambaran.

Juri mendengar bagaimana Huth bersendirian dengan Cosby dan dia mula mencium dan memaksanya melakukan seks.

Peguam, Nathan Goldberg berkata, Huth mengalami tekanan, perasaan teruk atas insiden itu. -AFP